

07 MAY 1998

PERDANA MENTERI TIBA UNTUK LAWATAN SINGKAT

KOTA KINABALU, 7 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba dengan pesawat khas di sini hari ini untuk lawatan singkat ke Sabah.

Beliau yang tiba pada pukul 12.50 tengahari disambut oleh Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam dan kemudiannya beredar ke Shangri-La's Tanjung Aru Resort untuk menghadiri majlis makan tengah hari bersama pemimpin komponen Barisan Nasional Sabah.

Perdana Menteri dijadualkan mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin komponen BN Sabah dan jemaah menteri kabinet negeri di tempat yang sama selepas itu.

Satu persidangan berita akan diadakan selepas pertemuan itu yang mana Perdana Menteri dijangka mengumumkan Ketua Menteri baru dari kalangan Bumiputera bukan Islam bagi menggantikan Datuk Yong Teck Lee dalam sistem penggiliran jawatan itu di Sabah.

Tempoh jawatan Yong dalam jawatan itu tamat hujung bulan ini.

Perdana Menteri dijadualkan pulang sejurus selepas mengadakan persidangan berita berkenaan.

-- BERNAMA

KG WAT